

14 FEB 2001

SESI PENYEMBUHAN OLEH GURU REIKI INDIA DI SEREMBAN

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Penyembuh terapi kuno Prof Dr P. Balasubramaniam akan mengajar dan mempamerkan "Rekiu", satu kaedah penyembuhan sendiri yang dikatakan mendapat perhatian seluruh dunia, di Seremban pada Sabtu ini.

Dengan mengamalkan seni Reiki, pengasas Institut Latihan dan Penyembuhan Reiki di Chennai, Selatan India, itu akan mengadakan ceramah mengenai penyembuhan semulajadi selama sejam secara percuma di Kuil Sri Maha Mariamman di Bukit Tembok, Seremban, sebelum mengadakan sesi penyembuhan itu.

Anggota jawatankuasa pengurusan kuil itu, S. Sivanesaselvam, hari ini berkata bahawa Reiki, yang dihasilkan oleh sami Buddha pada akhir kurun ke-17, adalah kaedah melakar tenaga kosmik berdasarkan tapak tangan yang merupakan satu yang semulajadi bagi manusia.

Tiada ubat, perubatan herba atau air suci yang digunakan oleh Dr Balasubramaniam, 53, dalam proses penyembuhan itu yang dikatakan berjaya menyembuhkan pesakit yang mengalami kesakitan secara fizikal, emosi dan mental.

Prof Balasubramaniam, seorang jurutera, datang ke Malaysia untuk meninjau firmannya di sini selain mengendalikan firmannya di Chennai, India yang mengkhususasi audit penggunaan tenaga.

-- BERNAMA

DC ES NAK